

## MENDIDIK KELUARGA MENGIKUT ACUAN ISLAM

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ  
اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ  
وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، وَأَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Marilah kita bersama-sama bertakwa kepada Allah *Subhanahu wa Taaala* dengan sebenar-benar taqwa, iaitu dengan melaksanakan segala perintah dan seruan-Nya serta meninggalkan segala larangan-Nya kerana dengan taqwa sahajalah kita akan mendapat reda Allah *Subhanahu wa Taala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Mendidik keluarga mengikut acuan Islam merupakan tanggungjawab yang besar. Sebagai ketua bagi sesebuah institusi keluarga. Suami atau ayah diperintahkan oleh Allah *Subhanahu wa-Taala* untuk melaksanakan tugas yang besar ini. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari:

كُلُّكُمْ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ  
مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالْمَرْأَةُ فِي بَيْتِ زَوْجِهَا رَاعِيَةٌ وَهِيَ مَسْئُولَةٌ عَنْ رَعِيَّتِهَا،

Yang bermaksud: *Setiap kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap kepimpinannya. Seorang imam (pemimpin negara) adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap kepimpinannya. Seorang lelaki adalah pemimpin terhadap keluarganya dan akan*

*ditanya tentang kepimpinannya. Seorang wanita adalah pemimpin di rumah suaminya dan akan bertanggungjawab terhadap kepimpinannya...*

Menurut pandangan Islam mendidik keluarga adalah proses membimbing mereka agar mentauhidkan Allah dan tidak mensyirikkan-Nya, mengasuh dan melatih mereka dengan nilai-nilai murni dan terpuji yang bersumberkan daripada Al-Qur'an dan al-Sunnah serta menasihati mereka agar sentiasa mentaati segala perintah Allah *Subhanahu wa Taala* dan meninggalkan larangan-Nya. Ketua keluarga juga hendaklah sentiasa menjaga keluarga mereka daripada terjerumus ke dalam api neraka. Firman Allah *Subhanahu wa Taaala* dalam Surah al-Tahrim ayat 6:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا.....

Yang bermaksud: “Wahai orang yang beriman! Peliharalah dirimu dan keluargamu daripada api Neraka...

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Seorang isteri yang solehah, ia mestilah dididik oleh suaminya agar sentiasa melaksanakan perintah agama seperti mendirikan solat, berpuasa, memelihara auratnya, taatkan suaminya serta sentiasa menjaga kehormatan dan maruah dirinya pada setiap masa. Setelah bergelar ibu, dia mestilah bekerjasama dengan suaminya untuk mentarbiah anak-anak mereka dengan penuh kasih sayang. Allah *Subhanahu wa-Taala* menjanjikan balasan syurga kepada wanita solehah sebagaimana sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad:

إِذَا صَلَّتْ الْمَرْأَةُ خَمْسَهَا، وَصَامَتْ شَهْرَهَا، وَحَفِظَتْ فَرْجَهَا، وَأَطَاعَتْ زَوْجَهَا، قِيلَ لَهَا: أُدْخِلِي  
الْجَنَّةَ مِنْ أَيِّ أَبْوَابِ الْجَنَّةِ شِئْتَ

Yang bermaksud: *Apabila seorang wanita solat lima waktu, berpuasa sebulan Ramadan, menjaga kehormatannya dan taat kepada suaminya, maka dikatakan kepadanya: “Masuklah engkau ke dalam syurga daripada pintu mana saja yang engkau sukai.”*

Manakala mendidik anak-anak pula menjadi tanggungjawab bersama bagi pasangan ibu bapa kerana didikan awal ibu bapalah yang akan menjadi penentu kepada gaya hidup anak-anaknya pada masa hadapan. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim:

مَا مِنْ مَوْلُودٍ إِلَّا يُولَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ

Yang bermaksud: *Tidaklah seseorang itu dilahirkan kecuali dalam keadaan fitrah (suci daripada kesalahan dan dosa), maka kedua ibu bapanyalah yang menjadikannya Yahudi atau Nasrani atau Majusi.*

Didiklah anak-anak sejak daripada kecil lagi agar mengenal Allah Subhanahu wa-Taala dan melaksanakan perintah-Nya, ajarlah mereka mencintai Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan ahli keluarganya dengan mencontohi akhlak dan mengamalkan sunnahnya, laranglah mereka daripada berbuat dosa. Ajarlah mereka menghormati ibu bapa, beradab sopan dengan guru dan dengan orang yang lebih dewasa serta memelihara adab ketika bergaul dengan rakan-rakan dan sesiapa sahaja. Belikanlah bahan bacaan yang sesuai untuk mereka, tentukanlah gaya berhibur dan fesyen berpakaian yang berpatutan bagi mereka, dan pantaulah selalu siapakah yang menjadi teman harian mereka. Anak-anak akan mudah dibentuk peribadinya jika diasuh sejak daripada kecil bak kata pepatah Melayu: “melentur buluh biarlah dari rebungnya”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala,

Seorang pemimpin keluarga perlu berbaik sangka dan bersabar dalam proses mendidik anggota keluarganya. Perintah Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-Nisa ayat 19:

وَعَاشِرُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ ۚ فَإِنْ كَرِهْتُمُوهُنَّ فَعَسَىٰ أَنْ تَكْرَهُنَّ شَيْئًا وَيَجْعَلَ اللَّهُ فِيهِ خَيْرًا كَثِيرًا ﴿١٩﴾

Yang bermaksud: *Dan bergaullah dengan mereka secara patut. Kemudian jika kamu tidak menyukai mereka, (maka bersabarlah) karena mungkin kamu tidak menyukai sesuatu, padahal Allah menjadikan padanya kebaikan yang banyak”*.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Mendidik keluarga yang terbaik ialah dengan menunjukkan contoh terlebih dahulu. Oleh itu, ajaklah mereka bersama-sama untuk solat berjemaah di masjid setiap waktu dan membaca al-Quran. Jagalah tutur kata dan kelakuan kita semasa berinteraksi dengan mereka. Firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Furqan ayat 74:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾

Yang bermaksud : *Dan orang yang berkata: “Wahai Tuhan kami, anugerahkanlah kepada kami daripada kalangan isteri-isteri kami dan keturunan kami sebagai penyejuk mata, dan jadikanlah kami imam (ikutan) bagi orang yang bertakwa”*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.